



AGENCI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

AKPS KLIA Tolak Kemasukan 112 Warga Asing Gagal Patuhi Syarat

SEPANG, 20 Mei 2025 – Seramai 112 individu warganegara Bangladesh, Pakistan dan India telah ditolak daripada memasuki Malaysia kerana gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) hasil operasi pemantauan berkala oleh Unit Pemantau AKPS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

Operasi yang melibatkan pemeriksaan ke atas lebih 300 individu dari pelbagai negara itu mendapati sebilangan daripada mereka telah mendarat lebih enam jam namun tidak hadir ke kaunter untuk pemeriksaan imigresen. Hasil pemantauan mendapati tindakan mereka ini disengajakan dan mencetuskan keraguan terhadap tujuan kedatangan mereka ke negara ini.

Kesemua 112 individu yang ditahan itu kemudiannya telah dibawa ke Pejabat Unit Pemantau AKPS KLIA untuk siasatan dan pemeriksaan lanjut sebelum keputusan rasmi penolakan kemasukan dikeluarkan ke atas mereka.

AKPS akan terus mempergiatkan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan bagi memastikan keselamatan pintu masuk dan kedaulatan sempadan negara sentiasa terpelihara.

[Klik untuk gambar berkaitan](#)

20 MEI 2025

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN
SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)**